

Sila lengkapkan semua bahagian kecuali dinyatakan sebaliknya.

**1** Apakah yang anda ingin lakukan hari ini? PindahanTelegraf (TT) Pindahan Interbank (RENTAS) Interbank GIRO (IBG)

**2** Maklumat anda

Nama Kontrak FX ▶ Jika anda mempunyai kadar FX yang dipersetujui dengan kami

No. Telefon No. Kontrak Kadar FX Amaun FC Wakil Peniaga

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

c. \_\_\_\_\_

*Untuk Pengesahan Mesin*

**3** Anda ingin pindahkan wang kepada?

Nama Penerima No. ID Penerima ▶ KP, No. Pasport, No. Pendaftaran Perniagaan dll

No. Akaun Penerima ▶ Isi no. IBAN untuk Eropah atau UAE No. Telefon Penerima

Alamat Penerima

**Maklumat Bank Penerima** **Maklumat Bank Perantaraan** ▶ Pilihan & untuk TT sahaja

Nama Bank Nama Bank

Alamat Bank Alamat Bank

Negara Negara

Kod SWIFT \*Kod Penjelasan ▶ Pilihan Kod SWIFT \* Kod Penjelasan ▶ Pilihan

**4** Berapakah jumlah yang anda hendak pindahkan?

Matawang Amaun

OCBC Malaysia dan caj dari bank lain akan dibayar oleh: ▶ Untuk TT sahaja

Berkongsi (SHA) Anda (OUR) Penerima (BEN)

**Pemindahan dari**

Debit No. Akaun ▶ Tidak termasuk tanda sengkang atau ruang

No. Cek Tempatan Tunai

**5** Tujuan pemindahan dan penerangan

▶ Cth: yuran pendidikan, jenis barangan dan perkhidmatan, kos pengangkutan, dll.

\*Sila lampirkan dokumen sokongan (cth: invoice, surat tawaran, Borang P untuk RM200,001 dan ke atas, dll.)

▶ Sila tandakan pada petak yang berkenaan di bawah, jika terpakai:

Bukan Pemastautin kepada Pekerja Asing (RM 10,000 atau kurang)

Borang Deklarasi (RM200,001 dan ke atas)

**Maklumat pembayaran** ▶ Untuk IBG & RENTAS: Dipaparkan dalam penyata penerima

Rujukan Penerima ▶ Rujukan untuk penerima, cth: no. invois/bil, no. polisi insurans, no. pendaftaran kereta, dll

Maklumat Bayaran Lain ▶ Pilihan - Terangkan maklumat lain yang berkaitan dengan bayaran anda, cth: Jan'15 pembayaran pinjaman, dll

**6** Pengakuan & tandatangan yang disahkan

Permohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di muka surat sebelah.

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan jika melibatkan matawang asing, peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing. Saya/kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat yang tidak benar, tidak tepat atau tidak lengkap di dalam borang ini.

Tandatangan

Tarikh ▶ HH/BB/TT \_\_\_\_\_/\_\_\_\_\_/\_\_\_\_\_

Untuk Kegunaan Bank

Komisen		Juruwang		Nombor	
Caj kabel		Disahkan oleh		Nama	
Caj-caj lain		Diluluskan oleh		Masa	
Jumlah amaun (RM)		Diimbas & diindeks oleh		Pegawai	
External Account	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Bukan	QC diluluskan oleh		Catatan	

Pemastautin yang meremit mata wang asing untuk pelaburan di luar negara, dikehendaki untuk melengkapkan borang pengakuan yang berasingan

## TERMA DAN SYARAT-SYARAT UNTUK PEMINDAHAN RINGGIT & MATAWANG ASING KE BANK-BANK LAIN

**Jaminan atas Sumber Dana:** Pelanggan memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa sumber dana bagi permohonan pindahan dana adalah sah di sisi undang-undang dan peraturan (termasuk peraturan pentadbiran pertukaran asing) semua bidang kuasa berkaitan dan akan mengambil segala tindakan yang perlu untuk memastikan undang-undang dan peraturan tersebut tidak akan dilanggar dan akan dipatuhi pada setiap masa.

**Had Masa:** Pihak Bank boleh tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada mana-mana individu, menetapkan atau menukar had masa bagi penerimaan dan pemrosesan permohonan, pindahan atau pembatalan pindahan dana (secara kolektif disebut "Permohonan"). Apa-apa Permohonan yang diterima oleh pihak Bank (mengikut budi bicara mutlak pihak Bank dan mungkin secara bersyarat) selepas had masa berkenaan hendaklah dianggap telah diterima oleh pihak Bank pada Hari Perniagaan esoknya. Penerimaan oleh pihak Bank termasuk proses pengesahan oleh Bank Permohonan dan tertakluk kepada penerimaan Bank dana segera yang boleh digunakan. "Hari Perniagaan" bermaksud hari bank-bank di Kuala Lumpur dan sistem pindahan dana berkaitan dibuka untuk perniagaan. Permohonan juga bergantung kepada had masa berkaitan dengan lokasi geografi destinasi, jika di luar Malaysia.

**Pelaksanaan Permohonan:** Pihak Bank boleh meminta maklumat yang diperlukan untuk memproses atau mengesahkan mana-mana Permohonan. Pihak Bank boleh bertindak semata-mata atas dasar mengenal pasti nombor (misalnya, nombor akaun) Pelanggan, Penerima dan bank Penerima, sama ada Pelanggan telah memberikan nama orang tersebut dengan tepat atau tidak. Pihak Bank tidak berkewajipan untuk secara bebas menentu-sahkan apa-apa nombor atau nama Permohonan hendaklah dibuat mengikut mandat debit akaun.

**Pemberitahuan Permohonan Dilaksanakan atau Ditolak:** Pihak Bank tidak akan memberitahu atau mengesahkan Permohonan yang telah ditolak, hal ini akan ditunjukkan dalam penyata berkala debit akaun, jika ada. Untuk Permohonan yang ditolak atau tidak berjaya, pihak Bank akan berusaha untuk menghubungi Pelanggan melalui maklumat perhubungan yang diberikan oleh Pelanggan, walau bagaimanapun pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan jika hubungan tidak dibuat atau tidak dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**Sistem Pindahan Dana, Pengantara dan Pihak Ketiga:** Pihak Bank boleh, mengikut budi bicaranya yang mutlak, menggunakan apa-apa cara untuk memindahkan dana yang dimohon Pelanggan termasuk penggunaan jika didapati sesuai oleh pihak Bank, apa-apa cara perhubungan, pindahan dana, sistem pemrosesan atau urus niaga, bank pengantara dan/atau pihak ketiga (secara kolektif disebut "Pihak Ketiga"). Untuk pindahan tempatan, Pelanggan boleh memilih sistem pindahan dana bergantung kepada ambang yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak Bank dan/atau penyedia sistem tanpa memberikan notis terdahulu kepada mana-mana individu. Dengan ini Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan semua maklumat berkaitan dengan Permohonan (termasuk maklumat berkaitan dengan Pelanggan dan Penerima) kepada Pihak-pihak Ketiga dan (yang dikehendaki oleh mana-mana bidang kuasa) kepada mana-mana pihak berkuasa atau individu. Pihak Bank tidak akan, atas apa sebab jua pun (biarpun dinasihatkan hal yang sama) bertanggungjawab terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana individu berhubung dengan terma dan syarat, prosedur, dan/atau kelulusan, dan/atau tindakan, kerjasama, peninggalan, dan/atau kesesuaian masa, jika berkenaan, dengan Pihak Ketiga.

**Pematuhan:** Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank akan memproses Permohonan selaras dengan amalan, prosedur dan dasar rasmi pihak Bank. Pemrosesan mana-mana Permohonan hendaklah juga tertakluk kepada terma dan syarat, prosedur, kelulusan, tindakan dan/atau kerjasama Pihak Ketiga. Pihak Bank dan Pihak Ketiga boleh menolak apa-apa Permohonan, jika mengikut mana-mana pendapat tunggal mereka, pelaksanaan Permohonan itu boleh melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, aturan kawal-selia atau dasar, dalaman atau luaran.

**Pembatalan dan Pindaan:** Apabila sahaja sesuatu permohonan pindahan dana diterima oleh pihak Bank, maka pembatalan atau pindaan permohonan pindahan dana itu tidak dibenarkan. Pihak Bank boleh, mengikut budi bicaranya yang mutlak, menggunakan iktiar yang munasabah untuk membantu Pelanggan ke arah itu, tetapi tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan jika pihak Bank tidak atau tidak dapat membatalkan atau meminda permohonan pindahan dana tersebut. Dengan ini Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi pihak Bank daripada apa-apa kerugian, liabiliti, tuntutan atau perbelanjaan (termasuk bayaran guaman) yang dihadapinya bersabit dengan usaha membantu Pelanggan membatalkan atau meminda permohonan pindahan dana.

**Pembatasan Liabiliti:** Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau individu atas apa-apa ganti rugi (termasuk cek dikembali), perbelanjaan, kos (termasuk kos guaman), kehilangan keuntungan atau pendapatan (sama ada langsung atau tidak langsung), nama baik atau apa-apa kehilangan atau ganti rugi khas/teladan, bersampingan, langsung atau berbangkit walau apa pun atau macam mana pun timbul biarpun kemungkinan kehilangan, ganti rugi atau tuntutan tersebut telah diberitahu atau diketahui atau dapat dijangka oleh pihak Bank. Tanpa membataskan mana-mana peruntukan dalam Fasal ini: (i) pihak Bank tidak akan bertanggungjawab berkaitan dengan keadaan di luar kawalan pihak Bank; dan (ii) tanggungjawab tunggal dan keseluruhan pihak Bank kepada Pelanggan dari segi kontrak, tort (termasuk kecuaihan atau pelanggaran kewajipan statutori) atau sebaliknya walau macam mana pun yang timbul berkaitan dengan sesuatu Permohonan tidak akan melebihi amaun caj yang diterima oleh pihak Bank.

**Pembayaran dan Bayaran Balik:** Jika Pelanggan tidak mempunyai aturan pertukaran asing dengan pihak Bank dan amaun yang akan dikirim serta amaun yang Pelanggan bayar kepada pihak Bank adalah dalam matawang berlainan, maka apabila pembayaran Pelanggan adalah dalam: (i) Ringgit Malaysia, pihak Bank akan menukar dana itu mengikut kadar jualan semasa; (ii) Matawang asing, pihak Bank akan menukar dana itu mengikut kadar belian semasa kepada Ringgit Malaysia dan kemudian menukar amaun Ringgit Malaysia kepada matawang kiriman berkenaan mengikut kadar jualan semasa; Tertakluk kepada ketersediaan matawang berkaitan, dan apa-apa kawalan pertukaran atau sekatan lain. Melainkan dipersetujui oleh pihak Bank bayaran balik hendaklah dalam Ringgit Malaysia, dan ditolak kos, caj, perbelanjaan dan faedah. Kadar pertukaran matawang akan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank, tertakluk kepada ketersediaan matawang berkenaan, dan apa-apa kawalan pertukaran atau sekatan lain. Bayaran balik hanya akan dibuat selepas pihak Bank menerima hasil jualan dan pengesahan pembatalan kiriman wang itu secara elektik daripada Pihak Ketiga.

**Kos dan Fi:** Pelanggan akan menanggung segala kos, perbelanjaan dan fi (secara kolektif disebut "Caj") berkaitan dengan mana-mana Permohonan. Untuk permohonan pindahan dana telegraf (i) pihak Bank boleh mengutip Caj itu daripada salah satu atau kedua-dua Pelanggan atau/dan Penerima yang dinamakan oleh Pelanggan, (ii) jika Pelanggan tidak ada menamakan pilihannya, maka pihak Bank boleh mengutip caj tempatan daripada Pelanggan dan caj luar negara daripada Penerima. Kutipan daripada Penerima boleh dibuat melalui potongan daripada amaun kiriman wang. Untuk yuran dan caj, sila rujuk laman web Bank di [www.ocbc.com.my/fees](http://www.ocbc.com.my/fees).

**Pertanyaan/Aduan:** Pelanggan akan menyimpan dan menunjukkan kepada pihak Bank salinan borang Permohonan berkenaan jika membuat apa-apa pertanyaan atau permintaan lain berkaitan dengan Permohonan tersebut. Bagi pertanyaan/aduan/pertikaian, Pelanggan boleh menghubungi OCBC Contact Centre seperti berikut: (i) Bagi Pelanggan OCBC Bank (Malaysia) Berhad – 03 8317 5000 (akaun individu) / 03 8317 5200 (akaun syarikat); (ii) Bagi Pelanggan OCBC Al-Amin Bank Berhad – 03 8314 9310 (akaun individu) / 03 8314 9090 (akaun syarikat). Dan/atau menulis kepada: Service Transformation, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Tingkat 2, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur, atau apa-apa alamat lain yang diberitahu di cawangan Bank. Pihak Bank akan memberi jawapan kepada pertanyaan/aduan/pertikaian dalam masa 14 hari (atau apa-apa tempoh masa lain yang dimaklumkan pihak Bank kepada Pemohon) dari tarikh penerimaan. Sekiranya pihak Bank tidak dapat menjawab dalam masa 14 hari, pihak Bank akan memberitahu Pelanggan secara bertulis tentang perlunya lanjutan masa untuk memberi jawapan. Pelanggan boleh membuat rayuan kepada pihak pengurusan kanan Bank atau kepada Biro Pengantaraan Kewangan, jika pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil aduan tersebut.

**Lain-lain:** Pihak Bank mempunyai hak untuk mengkaji semula, menambah, meminda, menukar dan mengubah suai mana-mana atau ke semua Terma dan Syarat-syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya yang mutlak dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada pelanggan. Terma dan Syarat-syarat ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan pihak-pihak berkenaan akur kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.